

CUEPACS rangka skim jawatan tetap guru TASKA

B/H 24/12/2017
M/S 15

➔ Langkah tarik generasi muda miliki sijil, diploma bekerja di taman asuhan

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) sedang merangka skim perjawatan tetap berpencen guru taman asuhan kanak-kanak (TASKA) yang diwujudkan di setiap jabatan kerajaan serta badan berkanun.

Timbalan Presidennya, Zainal Ismail, berkata skim berkenaan dirangka dengan mengambil kira skim perjawatan guru Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan TASKA Jabatan Perpaduan Negara.

Katanya, langkah itu bertujuan menarik minat generasi muda khususnya yang memiliki sijil dan diploma untuk bekerja di TASKA berkenaan.

Kemuka cadangan dalam masa terdekat

“Ketika ini, kebanyakan generasi muda kurang berminat untuk bekerja di TASKA kerana tidak disediakan jawatan tetap.

“CUEPACS akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan dalam masa terdekat kerana menyedari ia keperluan mendesak untuk penjawat awam menempatkan anak di TASKA berhampiran tempat kerja,” katanya ketika dihubungi semalam.

Zainal berkata, CUEPACS juga menggesa kerajaan menimbangkan penubuhan TASKA di setiap agensi dan jabatan kerajaan serta badan berkanun dalam usaha meningkatkan produktiviti penjawat awam khususnya wanita.

Katanya, TASKA adalah keperluan mendesak untuk penjawat awam menempatkan anak berhampiran tempat kerja bagi mengurangkan tekanan penjawat awam dalam isu penjagaan anak.

Beliau berkata, pihaknya mencajangkan kemudahan TASKA berkenaan tidak dihadkan kepada penjawat awam semata-mata, sebaliknya terbuka untuk pekerja sektor swasta.

Dalam pada itu, beliau turut memberi amaran kepada mana-mana agensi atau jabatan kerajaan yang tanpa alasan munasabah cuba menutup TASKA di tempat masing-masing kerana boleh menjejaskan produktiviti dan kualiti kerja kakitangan.

Kemuka bantahan

“Kakitangan yang terbabit dengan masalah penutupan TASKA tanpa alasan munasabah boleh mengemukakan bantahan di pejabat CUEPACS negeri berkenaan untuk membolehkan tindakan sewajarnya diambil,” katanya.

Sementara itu, CUEPACS menyambut baik langkah kerajaan melaksanakan kebenaran pulang awal satu jam kepada penjawat awam yang mengandung yang disifatkan sebagai keprihatinan berterusan kerajaan terhadap kebajikan dan kepentingan golongan berkenaan.